

19/02/1998

Projek IMTGT dilaksana ikut kemampuan semasa

KUALA LUMPUR, Rabu - Projek pembangunan Pertumbuhan Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMTGT) tidak terjejas berikutan kegawatan ekonomi yang melanda beberapa negara Asia Tenggara.

Projek yang dirancang sebelum ini tetap akan berjalan, tetapi akan dilaksanakan secara realistik mengikut kemampuan semasa.

Menteri Luar Thailand, Dr Surin Pitsuwan, berkata Malaysia dan Thailand tetap meneruskan projek pengeluaran gas di Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) seluas 7,000 kilometer persegi di sekitar Wilayah Songkhla di selatan Thailand.

Malah, katanya, Petronas dan Petroleum Authority of Thailand (PTT) menandatangani perjanjian untuk mengeluarkan gas di kawasan itu bulan depan di Songkhla yang akan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai.

Sebanyak 80 peratus daripada gas di Teluk Siam dikenal pasti berada di kawasan itu.

Kedua-dua pihak juga akan menjalankan projek saluran gas dari Songkhla ke barat laut Malaysia.

"Kami juga bersetuju bekerjasama membangunkan sumber manusia di kawasan terbabit bagi memastikan mereka meraih faedah terbanyak hasil pembangunan di kawasan berkenaan," katanya pada sidang media bersama Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, di Wisma Putra, di sini hari ini.

Dr Surin yang tiba di sini untuk lawatan dua hari mengadakan perbincangan dengan Abdullah lebih sejam.

Sementara itu, Abdullah berkata, Thailand mencadangkan supaya tempoh pembukaan pintu masuk sempadan di antara kedua-dua negara dilanjutkan bagi menggalakkan lebih banyak perdagangan antara Malaysia, Thailand.

Abdullah yang menganggap perbincangan hari ini sebagai berjaya berkata, langkah itu selaras hasrat pemimpin kedua-dua negara untuk menggalakkan perdagangan serantau.

"Itu satu cadangan baik kerana Malaysia dan Thailand boleh meraih faedah dengan kemasukan pelancong dari kedua-dua negara.

"Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan tempoh lanjutan berkenaan," katanya.

Mengenai masalah penentuan sempadan, Abdullah berkata, pegawai kanan Malaysia dan Thailand akan mengadakan perbincangan lebih kerap bagi menyelesaikan masalah yang timbul.

Mengenai Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (JCM) Malaysia-Thailand, Abdullah berkata, ia diadakan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

(END)